



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN BERI KELONGGARAN BAYARAN SUMBANGAN KEPADA KUMPULAN WANG PPS, BANTU PEMEGANG LESEN TELEKOMUNIKASI YANG TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19

Para pemegang lesen yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi turut terkesan akibat pandemik yang terus melanda negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan bersetuju agar pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat penyedia khidmat telekomunikasi dan multimedia yang telah memohon untuk menangguhkan atau membuat bayaran secara ansuran terhadap sumbangan yang wajib dibuat kepada Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Kumpulan Wang PPS). Syarikat-syarikat ini, yang merupakan pemegang lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), menjalankan aktiviti pembekal kemudahan rangkaian, pembekal perkhidmatan rangkaian dan pembekal perkhidmatan aplikasi.

Sebanyak 34 syarikat telah memohon kelonggaran membayar sumbangan berkenaan akibat terkesan dengan pandemik COVID-19. Kelonggaran yang diberikan kepada syarikat-syarikat ini melibatkan jumlah sumbangan sebanyak RM910.4 juta bagi tempoh Januari 2020 hingga April 2021.

Kumpulan Wang PPS ditubuhkan di bawah Seksyen 204 AKM 1998 dan dikendalikan oleh MCMC yang bertujuan untuk merapatkan jurang digital dalam kalangan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan telekomunikasi dan digital ke kawasan yang kurang mendapat capaian telekomunikasi. Kumpulan Wang PPS mengumpul sumbangan wajib sebanyak enam peratus (6%) daripada syarikat perkhidmatan telekomunikasi yang mencatat keuntungan bersih melebihi RM2 juta pada tahun kewangan yang dinilai. Kumpulan Wang PPS ini amat penting dalam membiayai usaha untuk mengurangkan jurang digital terutamanya daripada segi liputan infrastruktur.

Kerajaan berharap kelonggaran ini dapat membantu syarikat-syarikat yang terkesan menyelaras semula operasi dan perniagaan mereka untuk terus menyumbang kepada pembangunan sektor telekomunikasi di negara ini.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

21 MEI 2021